



KENYATAAN MEDIA UNTUK EDARAN SEGERA

KAUSAR GROUP LANCAR 'BRAND REFRESH', PERKUKUH STATUS SEBAGAI AGENSI PEWARISAN HARTA ISLAM NO.1 DI MALAYSIA

KLANG, 9 Februari 2026 — **Kausar Group**, sebuah ekosistem profesional pewarisan harta Islam yang telah beroperasi selama 11 tahun, melancarkan inisiatif '**Kausar Brand Refresh**' sebagai langkah strategik untuk memperkukuh kedudukannya sebagai Agensi Pewarisan Harta Islam No.1 di Malaysia.

Kausar Group memperkenalkan kedudukan jenama '**Brand Positioning**' baharu sebagai sebahagian daripada inisiatif penyegaran jenama '**Brand Refresh**', dengan penekanan kepada peranan syarikat sebagai **Pemelihara Legasi** dalam perancangan pewarisan harta Islam yang berstruktur, patuh Syariah dan berteraskan keharmonian keluarga.

Menurut Kausar Group, penjenamaan baharu ini digerakkan oleh tujuan jelas untuk mewujudkan nada dan naratif yang konsisten, yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek teknikal pewarisan harta, malah menangani kerumitan emosi yang sering timbul dalam proses pemindahan harta pusaka.

Dari sudut kedudukan pasaran, Kausar Group menegaskan Agensi ini merupakan **Agensi No.1 Pewarisan Harta Islam di Malaysia**, serta sebagai Rakan Strategik Wasiyyah paling banyak menerima anugerah.

Malah Kausar Group juga turut menerima pengiktirafan dalam industri Pewarisan Harta Islam di Malaysia dan antarabangsa dengan memberikan penyelesaian menyeluruh melibatkan hibah, wasiat dan pusaka sebagai satu sistem bersepadu.

Pengiktirafan dan Anugerah Industri

Komitmen Kausar Group terhadap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan telah diiktiraf melalui pelbagai anugerah berprestij, antaranya:

- **Wasiyyah Shoppe Berhad – Anugerah Pencapaian Tertinggi sebagai Agensi**, diterima secara konsisten selama **10 tahun berturut-turut**, serta diiktiraf sebagai **Penerima Anugerah Terbanyak**
- **Extraordinary Business Recognition Award 2022** oleh *Perintis Usahawan Malaysia (PUMAS)*

- **BrandLaureate SME Best Brand Award 2024** bagi kategori *Islamic Estate Planning and Wealth Distribution Solutions*
- **International Financial Award 2024 (Dubai) – Most Innovative Islamic Inheritance Planning Corporate Agency in Malaysia**
- **BrandLaureate – Most Preferred Brand Award 2025** bagi kategori *Islamic Inheritance & Legacy Advisory*

Pengiktirafan ini mengukuhkan lagi kedudukan Kausar Group sebagai agensi pewarisan harta Islam yang konsisten mencatat prestasi cemerlang dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Visi serta sasaran berimpak nasional

Sejajar dengan aspirasi jangka panjang, Kausar Group menyasarkan untuk melahirkan 20 Ketua Agensi Perunding Pewarisan, mewakili 5,000 perunding pewarisan harta Islam, membantu sekurang-kurangnya 100,000 umat Islam, serta merancang pewarisan harta bernilai RM100 bilion secara sistematik dan teratur.

Sasaran ini mencerminkan peranan Kausar Group sebagai pemacu utama penyelesaian isu pewarisan harta Islam secara menyeluruh dan berimpak nasional.

Kedudukan Jenama (Brand Position) Kausar Group : Legasi Terpelihara, Keluarga Kekal Harmoni

Seiring pelaksanaan pembaharuan Brand Positioning, Kausar Group mengetengahkan naratif baharu yang berteraskan jaminan legasi dan keharmonian keluarga, selari dengan mesej teras “Preserved Legacy, Harmonious Relationships”. Pendekatan ini menegaskan komitmen Kausar Group untuk memastikan proses pemindahan harta dilaksanakan secara teratur, lancar dan berkesan, sekali gus mengurangkan risiko pertikaian serta konflik keluarga selepas pewarisan.

Menerusi naratif “The Legacy Guardian”, Kausar Group memposisikan dirinya sebagai penjaga legasi yang berperanan membawa struktur patuh Syariah dan berdisiplin ke dalam pengurusan hibah, wasiat dan pusaka. Peranan ini menjadi semakin signifikan khususnya ketika keluarga berada dalam keadaan emosi yang paling rapuh susulan kehilangan insan tersayang, di mana kejelasan, ketertiban dan panduan profesional amat diperlukan.

Kausar Membawakan Suara Yang Tegas Berprinsip, Prihatin dan Berempati

Pendekatan komunikasi Kausar Group menzahirkan suara yang tegas, berautoriti dan berpengetahuan, namun pada masa yang sama bersifat empati, menyokong dan tidak menghakimi. Setiap interaksi dirangka dengan kejelasan dan ketelitian, berlandaskan prinsip Syariah serta kefahaman mendalam terhadap realiti keluarga.

Fokus utama Kausar Group adalah memastikan setiap proses perancangan pewarisan harta bukan sahaja sah dan teratur, tetapi turut memberikan ketenangan fikiran kepada pelanggan, demi memelihara keharmonian keluarga dan kesinambungan legasi merentas generasi.

Kelainan Kausar Group

Selain kekuatan dari sudut struktur dan tadbir urus, Kausar Group turut memberi penekanan serius terhadap pembangunan perunding pewarisan harta Islam yang profesional dan berwibawa. Setiap perunding Kausar melalui proses latihan intensif yang berstruktur, merangkumi ilmu Syariah, kefahaman perundangan, kemahiran rundingan, serta pembangunan kepimpinan dan keusahawanan.

Pendekatan ini disokong oleh sistem mentoring dan coaching yang konsisten, bertujuan melahirkan perunding yang bukan sahaja kompeten dari sudut teknikal, tetapi juga berempati, beretika dan mampu membimbing pelanggan dalam membuat keputusan pewarisan yang sensitif dan berimpak tinggi. Melalui pembangunan modal insan yang berterusan dan tersusun, Kausar memastikan kualiti khidmat rundingan yang diberikan kekal konsisten serta menepati standard profesional yang tinggi.

Pembaharuan Logo Kausar

Dari sudut identiti visual, pembaharuan logo dan palet warna Kausar Group dibangunkan berasaskan konsep pemindahan harta yang terancang dan tenang, melambangkan kejelasan, kesinambungan serta tadbir urus yang kukuh dalam perancangan pewarisan harta Islam. Setiap warna utama membawa makna dan fungsi tersendiri:

- **Biru Amanah**
Melambangkan kepercayaan dan tanggungjawab, merangkumi aspek proses, tadbir urus, dokumentasi serta jaminan dalam pengurusan pewarisan harta.
- **Kuning Kausar**
Menandakan nilai yang dipelihara dan legasi yang direalisasikan, mencerminkan kemakmuran yang terancang serta pemindahan harta yang berdisiplin.
- **Hijau Barakah**
Mencerminkan teras Syariah yang berprinsip, patuh dan konsisten, menjadi asas kepada setiap keputusan dan penyelesaian pewarisan harta yang ditawarkan.

Menurut Kausar Group, keseluruhan pembaharuan jenama ini bukan sekadar bersifat kosmetik, sebaliknya mencerminkan komitmen jangka panjang syarikat untuk melindungi institusi keluarga, memastikan dokumentasi yang teratur, serta menyediakan satu sumber kebenaran yang jelas dan diyakini dalam perancangan pewarisan harta Islam.

Pencapaian Agensi Kausar Group

Sejak penubuhannya, Kausar Group telah membantu lebih **8,000 klien** merancang pewarisan harta Islam dengan anggaran nilai melebihi **RM8 bilion**, melalui khidmat rundingan yang patuh Syariah, sah dari sudut perundangan serta boleh dilaksanakan secara praktikal.

Dalam tempoh 11 tahun operasinya, Kausar Group turut memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem perunding pewarisan harta Islam dengan melahirkan **lebih 2,500 perunding profesional**, sekali gus menetapkan penanda aras baharu dalam industri.

Menurut Kausar Group, inisiatif Brand Refresh ini bukan sekadar melibatkan perubahan identiti visual, sebaliknya mencerminkan peneguhan komitmen jangka panjang syarikat dalam menangani isu pembekuan harta pusaka dan konflik keluarga yang semakin membimbangkan dalam kalangan umat Islam.

“Pembekuan harta pusaka dan pertikaian keluarga merupakan krisis senyap yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan ummah. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami untuk memastikan pewarisan harta Islam dirancang secara profesional, berstruktur dan berkesan, demi melindungi keharmonian keluarga serta kesinambungan legasi merentas generasi,” menurut kenyataan Kausar Group.

Kepimpinan berpengalaman pacu hala tuju strategik

Kausar Group diterajui oleh barisan kepimpinan yang berpengalaman dan berwibawa, diketuai oleh Khamarul Azhar bin Hashim dan Suzana binti Abu Bakar selaku pengasas bersama, serta disokong oleh Umi Khlsom binti Yusof, Mohd Usayri bin Mohd Zin dan Intan Yusliyana binti Mohd Yasin.

Barisan kepimpinan ini memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju strategik Kausar Group sebagai institusi profesional yang memfokuskan kepada penyelesaian menyeluruh isu pewarisan harta Islam di Malaysia.

Fokus kepada pelanggan profesional dan bernilai tinggi

Kausar Group memberi tumpuan kepada pemilik hartanah, pemilik perniagaan keluarga serta golongan profesional Muslim yang menuntut khidmat rundingan pewarisan harta Islam yang berintegriti, berstruktur dan berimpak tinggi.

Menurut Kausar Group, perancangan pewarisan harta bukan sekadar penyediaan dokumen, sebaliknya satu proses rundingan strategik yang memerlukan kefahaman mendalam terhadap aspek Syariah, perundangan dan kewangan bagi memastikan setiap solusi bukan sahaja sah di atas kertas, malah benar-benar boleh dilaksanakan.

Peluang kerjaya dan pembangunan keusahawanan

Seiring peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perancangan harta Islam, Kausar Group turut membuka peluang kepada perunding takaful, unit amanah, hartanah serta golongan profesional untuk menyertai industri pewarisan harta Islam melalui program latihan keusahawanan yang komprehensif dan berstruktur.

Maklumat lanjut mengenai Kausar Group boleh didapati melalui:

- **Laman web:** www.kausarwealth.com
- **Facebook:** Kausar Wealth Management
- **LinkedIn:** Kausar Wealth Management Sdn Bhd